

# UniMAP MENERIMA 3 ORANG PELAJAR JERMAN

**Okt.2 2007**, 3 orang pelajar Jerman daripada FH Koeln tiba hari ini di UniMAP untuk menjalani program Latihan Industri di UniMAP selama 6 bulan. Mereka yang terdiri daripada Thomas Schwarze, Gernot Blobel, dan Jan Geilhufe menerima biasiswa daripada DAAD dan ditempatkan di Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik dibawah seliaan Prof. Zul Azhar Zahid Jamal, Dr. Johari Adnan dan Dr. Prabakaran Poobalan.

Selain daripada menghadiri kelas dan rundingan di UniMAP, pelajar-pelajar tersebut juga akan menjalani Latihan Industri di

Infineon, Kulim yang mana mereka akan mengurus projek yang berkaitan dengan 'lithography', 'thin oxide characterization' dan 'epilayer'.

Program ini adalah hasil usahasama antara Pusat Hal Ehwal Antarabangsa, Pusat Kerjasama Industri dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik. Ia juga merupakan kerjasama yang pertama bagi UniMAP dan FH Koeln, Jerman. Rentetan itu, lebih banyak program yang sama akan dijalankan dari masa ke semasa.